

## **Sejarah sistem perburuhan di Borneo Utara, 1881-1941**

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah berkaitan tentang kegiatan perjudian di Borneo Utara semasa di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBC). Wilayah Borneo Utara berada di bawah pentadbiran kolonial British bermula seawal tahun 1881 sehingga 1941. Pentadbiran yang diamalkan ini telah membawa banyak perubahan kepada Borneo Utara dalam pelbagai aspek. Bermula dengan mengimplementasi pelbagai dasar, BNBC cuba untuk membentuk perjalanan politik di Borneo Utara supaya lancar dan teratur. BNBC menerusi dasar-dasarnya yang membawa kemasukan para buruh terutamanya dari China dan Kepulauan Jawa telah menyebabkan kegiatan perjudian semakin rancak dijalankan. Para Imigrasi Cina berperanan penting dalam menjadi pengusaha pusat-pusat perjudian di samping menjalankan perniagaan yang lain. Manakala buruh Jawa pula terkesan akibat daripada kegiatan perjudian yang tidak terkawal di estet-estet. Aktiviti perjudian semakin berkembang pesat apabila pihak BNBC mula mengeluarkan lesen perjudian dan seterusnya mewujudkan ruangan pusat perjudian yang berdaftar untuk dikunjungi oleh para buruh dan juga masyarakat tempatan. Melalui sedikit kajian yang telah dilakukan, penulisan kajian ini akan cuba mengisi kelompangan yang ada untuk mengkaji tentang dasar-dasar perjudian BNBC di Borneo Utara.